

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, 20 October, 2016 1:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AISEC'16: PLATFORM MAHASISWA ASEAN KONGSI IDEA INOVATIF



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



20 OKTOBER 2016 / 19 MUHARRAM 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

AISEC'16: PLATFORM MAHASISWA ASEAN KONGSI IDEA INOVATIF



PPACAS ONLINE: ASEAN Innovation on Social Sciences Exhibition and Conference 2016 (AISEC'16) anjuran Persatuan Pengurusan Pendidikan (Pendidik Uniutama) menjadi landasan kepada lebih 100 delegasi dari 16 institusi pengajian tinggi (IPT) dari negara ASEAN dan India dalam menampilkan penyelidikan bertaraf ASEAN. Bertemakan "*Towards an Integrated ASEAN Community through Innovation*", pameran dan persidangan ini menampilkan ciptaan berinovatif dalam produk dan perkhidmatan dari pelbagai IPT dalam dan luar negara bermula 11- 12 Oktober 2016 di Universiti Utara Malaysia (UUM). AISEC'16 terbahagi kepada tiga kategori iaitu pembentangan kertas kerja, pertandingan poster dan pertandingan produk.

AISEC'16 yang dianjurkan bersama Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM CAS dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), UUM telah dirasmikan oleh Wakil Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CIAC) UUM, Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee bin Abdullah. Dalam ucapan beliau berkata, tema AISEC'16 "*Towards an Integrated ASEAN Community through Innovation*" adalah bertepatan dan penting dalam situasi negara ASEAN sekarang kerana kebanyakan negara di rantau ini menjadi lebih global dan sempadan negara menjadi lebih kecil.

Dalam majlis penutup, para pembentang kertas kerja terbaik serta pemenang poster dan produk terbaik diumumkan dan cenderamata disampaikan oleh Pengarah CIAC UUM, Dr. Mohamad Farizal bin Rajemi.

Pembentang kertas kerja bagi tempat pertama, kedua dan ketiga adalah wakil dari Jawaharlal Nehru University, India, De La Salle University, Filipina dan Universitas Mercu Buana, Indonesia. Manakala Universiti Teknologi Petronas mendapat kemenangan besar bagi kategori poster dan produk terbaik diikuti Politeknik Sultan Azlan Shah dan Universiti Sains Islam Malaysia. Bagi anugerah khas juri pula disandang oleh De La Salle University bagi kategori pembentang kertas kerja, Universiti Islam Indonesia bagi kategori poster dan Universiti Sains Islam Malaysia bagi kategori produk.

Persidangan dan pameran dua (2) hari ini bertujuan mengumpulkan mahasiswa dan ahli akademik dari pelbagai IPT ASEAN untuk berbincang tentang inovasi dalam bidang sains sosial serta isu-isu semasa yang berkaitan bagi meningkatkan kerjasama antara IPT ASEAN. Di akhir persidangan ini, peserta dapat melebarkan jaringan kerjasama dan meningkatkan perkongsian ilmu dalam pembangunan bidang sains sosial di rantau Asia Tenggara. Penganjuran persidangan dan pameran bertaraf ASEAN ini juga adalah selaras dengan usaha UUM untuk memperhebatkan lagi aktiviti berimpak dan berprestasi tinggi sebagai platform pembangunan pelajar serta menjayakan program 'Discover UUM'.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====

